

Swasta tolong b

Pendapatan rakyat diperbaiki — Mahathir

Wages - m s i a (P)
PULAU PINANG 20 Julai — Pertambahan gaji oleh syarikat - syarikat swasta sekarang ini untuk bersaing bagi mendapatkan tenaga pekerja telah membantu kerajaan memperbaiki pendapatan rakyat, kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

"Pertambahan gaji yang lebih baik itu dinikmati oleh para pekerja tanpa melalui sebarang tindakan perusahaan seperti mogok," jelasnya.

Ini kerana bilangan pekerja tidak dapat memenuhi peluang - peluang pekerjaan yang ada, katanya ketika bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan kilang Sony Electronic dan Mechatronics di Perai dekat sini hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan ingin bekerjasama dengan swasta untuk mengadakan pusat-pusat latihan bagi meningkatkan kecekapan pekerja, kata Perdana Menteri.

"Sementara itu, kita dapati banyak syarikat terutama syarikat-syarikat Jepun yang melabur di negara ini menghantar pekerja tempatan ke negara mereka untuk dilatih dalam tempoh dua bulan atau lebih dalam bidang pembuatan dan mereka sudahpun cekap," ujarnya.

Dengan ini Sony sanggup mengeluarkan alat-alat canggih di sini seperti 8mm pita video kamera Sony yang termoden dan mereka percaya akan kebolehan para pekerja tempatan untuk menjalankannya, katanya.

Di samping memberitahu syarikat Sony itu yang mula melabur di negara ini lima tahun lalu dengan modal \$40 juta dan kini pelaburannya meningkat \$500 juta dengan 8,000 pekerja, beliau berkata dengan menggalakkan pelaburan, kerajaan mahu melihat banyak peluang pekerjaan untuk rakyat.

Terpaksa bersaing

Sekarang ini syarikat-syarikat terpaksa bersaing untuk mendapatkan pekerja dan kita berjaya meningkatkan gaji para pekerja tanpa melalui sebarang tindakan perusahaan, yang memenuhi strategi kerajaan ke arah meningkatkan pendapatan rakyat.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyeru syarikat-syarikat asing terutama syarikat Jepun supaya berusaha dengan lebih giat untuk mendapatkan bahan-bahan dan alat-alat komponen mereka dari punca tempatan terutama dari syarikat-syarikat Malaysia.

"Kilang-kilang di Malaysia patut mencontohi Proton yang berusaha mendapatkan kepakaran dan usahasama dengan syarikat Jepun supaya mereka mampu mengeluarkan alat komponen yang berkualiti.

"Dalam hal ini, saya rasa lebih banyak syarikat yang beroperasi di Malaysia patut mencontohi syarikat Sony yang mana saya diberitahu telah pun mencapai 50 peratus penggunaan barangan tempatan dalam pengeluarannya," ujarnya.

Jika syarikat tempatan tidak mempunyai teknologi mereka bolehlah mengadakan usahasama dengan syarikat yang mempunyai teknologi dan jika kita dapat mengeluarkan semua komponen, maka industri yang dibuat oleh Sony ini akhirnya akan menjadi industri milik orang Malaysia, katanya.

Beliau menyeru syarikat-syarikat Jepun di negara ini supaya meningkatkan usaha untuk melaksanakan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang kadar kegiatannya sekarang ini begitu kecil supaya kualiti dan teknologi pengeluarannya dapat dipertingkatkan.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan berusaha bersungguh-sungguh menggalakkan lebih banyak aktiviti penyelidikan dan pembangunan dengan menawarkan insentif khas.

"Saya difahamkan bahawa Sony Electronics dan Sony Mechatronics bercadang mewujudkan R&D, termasuk rekaciptanya sendiri yang bukan sahaja menguntungkan Malaysia tetapi juga meningkatkan daya saingan dalam industri yang kompetitif ini," katanya.